



## SIARAN MEDIA

### **'PENDUDUK KAMPUNG LAJONG DAN RH. MALING KINI MENERIMA BEKALAN AIR BERSIH DAN SELAMAT'**

**MIRI, 16 November 2022:** Seramai lebih kurang 600 penduduk Kampung Lajong dan Rh. Maling, Daerah Subis kini telah menerima bekalan air bersih dan selamat apabila sebahagian daripada Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Suai Kompleks Fasa II siap dilaksanakan. Ini menunjukkan keprihatinan dan komitmen Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak serta Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Malaysia kepada penambahbaikan infrastruktur dan sistem bekalan air di Bahagian Miri termasuk Daerah Subis.

Projek berimpak besar ini mempunyai beberapa komponen yang perlu dilaksanakan seperti pembinaan tangki simpanan air, tangki aras tinggi, pemasangan saluran paip baharu dan kerja-kerja infrastruktur lain yang masih dalam fasa pembinaan. Namun demikian, komponen bagi Kampung Lajong dan Rh. Maling iaitu pemasangan saluran paip baharu sepanjang 16.456km telah berjaya disiapkan dengan kos pembinaan sekitar RM4.14 Juta. Projek ini adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Bagi menjamin kualiti bekalan air yang lebih mampan di Daerah Subis, JBALB Sarawak akan memastikan projek-projek yang kini dalam peringkat pelaksanaan akan disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Projek-projek tersebut bakal membentuk sebahagian daripada Sistem Grid Bekalan Air Sarawak yang diilhamkan oleh YAB Premier Sarawak untuk menyelesaikan isu bekalan air secara efektif dan menyeluruh.

**-TAMAT-**

**JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK**